

CNS0135

U GB 08-11 00214 BA611

aab

MAHATHIR BIMBANG MELAYU DIPERHAMBAKAN SEKALI LAGI

Mahathir - UMNO (Rasuah) (ulangan dengan pembetulan para dua)

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bimbang orang Melayu akan diperhambakan sekali lagi seperti pada zaman penjajahan dahulu jika rasuah, penyalahgunaan kuasa dan sifat memementingkan diri sendiri dibiarkan berterusan.

+Rasuah, penyalahgunaan kuasa, termasuk kuasa mengundi, sogokan wang dan sogokan sokongan adalah kotor dan jijik serta membawa kecelakaan kepada bangsa, agama dan negara, + katanya ketika msrasmikan Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Menurut beliau, kesan buruk amalan rasuah tidak bergantung kepada kecil atau besar jumlahnya kerana jika ia sudah menjadi satu tabiat, lambat laun bangsa akan lumpuh.

+Seperti mana rasuah dan penyalahgunaan kuasa dahulu akhirnya menyebabkan negeri-negeri Melayu ditakluk oleh bangsa asing dan orang Melayu diperhambakan, demikian juga keasyikan menyalahgunakan apajua kuasa yang ada di semua peringkat akan melumpuhkan serta menyekat kejayaan mereka, + ujar beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir menyebut perlakuan bekas seorang Menteri Kewangan sebagai satu contoh di mana jawatan dan kuasa yang ada telah disalahgunakan untuk kepentingan diri dengan matlamat untuk mencapai populariti diri dalam parti agar memperoleh jawatan yang lebih tinggi iaitu Perdana Menteri. -- Lagi

▼08/11/11-16MST

CNS0092

U GB 08-11 00168 BA603

aab

Mahathir - UMNO (Rasuah) 2 Kuala Lumpur"

Menurutnya, bekas Menteri Kewangan itu pernah berjanji akan memberi \$3,000 juta kepada Kerajaan Negeri Selangor dan juga lesen bank supaya perwakilan UMNO daripada negeri itu menyokongnya untuk jawatan tertentu dalam Majlis Tertinggi.

Di samping itu, bekas menteri berkenaan juga dengan bebas telah memberi geran serta merta serta lesen syarikat kewangan kepada Dewan Perniagaan Melayu di setiap negeri untuk mempopularkan diri.

+Bermacam-macam lagi kuasa Kementerian Kewangan digunakan olehnya semata-mata untuk mendapatkan sokongan bagi diri sendiri pada pertandingan merebut jawatan tinggi dalam UMNO, + katanya.

Katanya, amalan buruk itu sepatutnya dipandang hina dan ditolak. Malangnya, masih ada orang yang menerima dan mengamalkan pendekatan itu, termasuk daripada kalangan anggota Kerajaan dan pemimpin parti.

Selain bekas Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir juga menyebut contoh bagaimana orang-orang tertentu yang menjadi kaya kerana Ekonomi Baru menggunakan wang untuk membeli pengaruh bagi mendapatkan tempat dalam parti di peringkat cawangan dan bahagian. -- Lagi

▼08/11/10-21MST

CNS0094

U GB 08-11 00161 BA604

aab

Mahathir - UMNO (Rasuah) 3 Kuala Lumpur

Mereka yang mendapat jawatan dalam syarikat-syarikat milik kerajaan juga menggunakan kedudukan dan pendapatan mereka untuk mendapatkan sokongan dan tempat.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menyalahkan sebilangan rakyat biasa kerana kuasa mengundi yang ada pada mereka bukan digunakan untuk memilih pemimpin dan parti yang boleh menjayakan negara tetapi untuk mendapatkan sesuatu bagi diri sendiri.

+Seperti pada zaman pemerintahan Raja-Raja Melayu dahulu, ramai rakyat sekarang mengutamakan diri sendiri lebih daripada bangsa dan negara, + ujar beliau.

Menurutnya, apa yang berlaku itu berbeza daripada amalan pejuang-pejuang kemerdekaan dahulu seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Dr Ismail dan Tun Sat-don Jubir yang berjuang semata-mata untuk bangsa, agama dan tanah air.

Sambil menyingkap sejarah penjajahan, Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan bahawa British tidak merampas negeri-negeri Melayu melalui peperangan tetapi sebaliknya mereka dijemput kerana kerajaan Melayu ketika itu terlalu lemah untuk memerintah dengan berkesan. -- Lagi

♥08/11/10-24MST

CNS0096

U GB 08-11 00109 BA605

aab

Mahathir UMNO (Rasuah) 4 Kuala Lumpur (akhir)

Katanya, kerajaan-kerajaan Melayu ketika itu diperintah oleh beberapa kerat golongan bangsawan yang menganggap negeri yang diperintah sebagai milik sendiri di mana segala cukai dan hasil mahsul digunakan sesuka hati mereka.

+Negeri disifatkan sebagai tenusu yang boleh diperah untuk diminum sendiri, tidak di bangunkan supaya berdaya maju, kuat dan terselamat.

+Perebutan kuasa sering berlaku dalam keluarga raja kerana sesiapa yang berkuasa akan menikmati keuntungan diri sendiri.

+Untuk itu, bantuan pihak asing terpaksa diminta dan akhirnya negeri-negeri Melayu dihanjiri oleh tentera asing yang secara tidak langsung terus menguasai wilayah-wilayah berkeajaan, katanya. -- Bernama

♥08/11/10-27MST